

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JUNE 2016

Bertanding PRU jika rasa masih diterima rakyat – Wan Azizah

PULAU PINANG 22 Jun - Ketua Pembangkang, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mencabar bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertanding dalam pilihan raya umum akan datang sekiranya berhasrat mahu terus terlibat dalam politik.

Secara sinis Presiden PKR itu berkata, Dr. Mahathir perlu berbuat demikian bagi membuktikan beliau merupakan pilihan rakyat seterusnya layak menerajui paktan pembangkang.

Katanya, beliau sendiri telah melalui situasi berkenaan sebelum berada pada kedudukan hari ini.

“Saya bertanding pilihan raya dan menang kerana dipilih rakyat dan menjadi ketua pembangkang, jadi kamu nilai sendiri,” katanya.

Beliau ditemui pemberita se-



WAN AZIZAH WAN ISMAIL

lepas melawat Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanifah di Unit Rawatan

Rapi (ICU) Hospital Pulau Pinang (HPP), di sini hari ini.

Wan Azizah mengulas saranan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Keruak dalam blognya bahawa Dr. Mahathir perlu mengambil kedudukan dalam kepimpinan pembangkang kerana beliau sudah melaksanakan peranan itu secara 'de facto'.

Ketika ditanya sama ada Dr. Mahathir wajar bertanding semula dalam pilihan raya umum akan datang sekiranya mahu menjadi ketua pembangkang, Wan Azizah berkata: “Kamu (media) yang perlu membuat spekulasi dan saya tidak mahu bercakap apa-apa tentang perkara itu pada masa sekarang. Yang penting saya bertanding dan menang.”

Um - 23/6/2016